



# AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 51 RABU 21 DISEMBER, 1966. 1386 رابو 8 رمضان

PERCHUMA

## Majlis Mashuarat Negeri Brunei Menolak Usol Meminda Perjanjian Brunei Tahun 1959

**Bandar Brunei.** — Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Ithnin 19 Disember, 1966 telah menolak usol supaya Kerajaan Brunei dan Britain mengadakan perundingan dengan sa-berapa segera untuk meminda Perjanjian Brunei Tahun 1959 bagi mensesuaikan dengan kehendak raayat dan tuntutan masa.

Usol tersebut telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohd. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar, Wakil Kawasan Seria.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un ketika memberi hujjah menolak usol tersebut berkata bahawa kemajuan Perlembagaan di Brunei ada-lah berkembang dan ini di-buktikan dengan ada-nya Ahli2 Yang Berhormat dudok di-Majlis Mashuarat Negeri dan Majlis2 Mashuarat Daerah.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menapikan dan menolak kenyataan yang mengatakan bahawa perjanjian yang ada sekarang tidak berguna dan tidak dimokratik.

Dalam gambar ini kelihatan bangunan2 baru Jabatan Penyiaran dan Penerangan Negeri Brunei serta Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Brunei yang sedang dalam pembinaan di-Bandar Brunei.

Menyentoh mengenai kedatangan British di-Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal mengingatkan Ahli2 Yang Berhormat bahawa raayat negeri ini patut memberi terima kasih kepada Kerajaan Baginda Queen atas pertolongan-nya menyelamatkan negeri ini dari anchaman lanun2 dan perompak2 di-zaman silam itu.

Penolakan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal terhadap usol tersebut telah di-sokong oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Antara lain, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa kedatangan Tentera British di-negeri ini lahir di-sebabkan oleh penderhaakan yang telah meletus pada hujung tahun 1962.

LIHAT MUKA 8



Brunei telah berjaya memenangi Perisai Gibson dalam Perlawanan Tinju dengan Labuan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 17 Disember, 1966.

Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, Yang Dipertua Persatuan Tinju Amateur

Negeri Brunei sedang menyampaikan Perisai Gibson itu kapada Wakil Pasukan Brunei, Awang Nor Shah sa-lepas tamat perlawanan tersebut.

Setia Usaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy (tengah) kelihatan berte-pok tangan atas kejayaan Brunei dalam perlawanan tersebut.



# Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei Mengenai Bulan Puasa

DENGAN ini di-ma'lomkan kepada seluruh Umat Islam di-Negeri Brunei bahawa awal Bulan Puasa Tahun Hijrah 1386 di-negeri ini ia-lah pada 14 Disember, 1966.

Oleh yang demikian, seluruh Umat Islam yang mengakui dirinya menjunjong titah perintah Allah dan rasulnya, hendak-lah menunaikan perintah berpuasa dalam Bulan Ramadhan yang di-wajibkan itu, dan jangan-lah makan/minum atau menghisap rokok dalam bulan yang mulia ini di-kedai2 atau di-tempat2 khalayak ramai.

Menurut Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadhi Negeri Brunei di-bawah Bab 172 Bahagian (9) Bilangan 20 Tahun 1955, mereka yang di-dapati melanggar perintah di atas, boleh di-denida kerana kesalahan yang pertama \$50.00, kesalahan kedua \$75.00 dan kesalahan ketiga \$100.00.

Juga ada-lah di-ingatkan, kepada semua pekedai2 yang berkenaan supaya jangan menjual makanan dan minuman kapada Orang2 Islam sampaing siang hari dalam Bulan Puasa. Pekedai2 yang di-dapati melanggar perintah2 itu boleh di-hukum di-Mahkamah Magistrate di-bawah Undang2 No. 20 Tahun 1955.

Menurut Undang2 No. 20 tahun 1955 bab 65, orang2 yang tersebut di-bawah ini di-beri kuasa menangkap dengan tidak berwarrant manapun yang telah melakukan atau menchuba melakukan apa2 kesalahan di-hadapan-nya yang berlawanan dengan undang2 tersebut yang akan merosakkan keamanan.

Mereka itu ia-lah:

- a) Polis;
- b) Penghulu;
- c) Imam, Khatib dan Bilal.

Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah melantek beberapa orang penyiasat Hal Ehwal Ugama yang mengawasi dan menjalankan perintah itu.

Yang menjalankan perintah,  
Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei Laut, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 21 Disember hingga ka-hari Selasa 27 Disember, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21	Dis.	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
22	Dis.	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
23	Dis.	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
24	Dis.	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
25	Dis.	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
26	Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27
27	Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei dimulai pada pukul 12.45 tengah hari.

## MAJLIS PERPISAHAN SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOKIAH

BANDAR BRUNEI — Satu Majlis Perpisahan kerana penutup penggal akhir Sekolah Menengah Ugama (Arab) Hassanal-Bolkiah, Brunei telah di-adakan pada pagi Sabtu 26 Sha'ban 1386 bersama'an 10 Disember 1966 di Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

Majlis itu di-hadziri oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei; Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama; Pegawai2 Pelajaran Ugama dan para jemputan khas sa-lain daripada guru2 dan murid2 sekolah tersebut.

Majlis di-mulakan dengan

Satu Kursus Haji di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-adakan di-Masjid Hassanal Bolkiah Tutong baru2 ini untuk pendudok2 dari Daerah Tutong yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan. Dalam gambar ini kelihatan di-anteria bakal2 Haji dari Daerah Tutong yang menghadiri kursus tersebut.

Bacha'an Al-Qur'an, persembahan nashid oleh murid2 sekolah tersebut dan uchapan2.

Dalam uchapan alua2an Pengurus Majlis oleh Ustaz Ahmad Sonhaji Mohammed, Ketua Guru sekolah tersebut beliau menyatakan serba ringkas perjalanan sekolah tersebut daripada mula dibuka pada awal bulan Mach 1966 hingga akhir tahun. Tambah-nya lagi, majlis Penutup sekolah ini sengaja di-adakan kecil2an semata sekolah tersebut maseh menumpang di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama dan pembukaan rasmi sekolah tersebut pun belum di-adakan.

Ustaz Ahmad Sonhaji menegaskan, mudah2an bila siap bangunan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Hassanal-Bolkiah di-batu 1 1/2 Jalan Tutong pada tahun hadapan, akan dapat-lah di-laksanakan pembukaan-nya sa-chara besar2an.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei dalam uchapan beliau tatkala mela-fadzkan kata2 nasehat, telah melahirkan rasa bangga-nya dengan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Hassanal-Bolkiah yang telah di-taja-nya yang baharu sahaja berumor

9 bulan, kalau di-ibaratkan anak kecil tentu-lah belum boleh berbuat apa2, tetapi murid2 sekolah tersebut dalam masa yang singkat itu telah dapat memperlihatkan kebolehan2 mereka memberi uchapan di-dalam Bahasa Melayu, mengadakan perbualan di-dalam Bahasa Arab dan beru-chap dalam Bahasa Inggeris.

Beliau sa-terus-nya menyatakan, "Kerana sekolah ini berdekatan dengan Pejabat Hal Ehwal Ugama, saya sendiri dapat memerhati dan meliti bahawa guru2 dan murid2 Sekolah Menengah Ugama Hassanal Bolkiah benar2 bersunggoh menjalankan tugas masing2: Guru2 memberikan pelajaran, murid2 menerima pelajaran, mereka selalu pergi ka-Masjid menunaikan sembahyang pada waktu-nya. Ini juga satu perjuangan.

Baru2 ini Jawatan Kuasa Pemungut Derma Anak2 Yatim, Orang2 Sakit dan Bandaluan, di-antara murid2 Sekolah Menengah Ugama Hassanal Bolkiah telah turut mengambil bahagian dalam memungut derma itu.

Meneruskan kata2 nasehatnya, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama berkata: "Murid2 yang belajar di-Sekolah Menengah ini, boleh di-katakan semua-nya mewakili daerah dan kawasan masing2 hingga kependalam. Mudah2an tatkala mereka besar dan tammat daripada sekolah ini akan dapat memperluas seruan Ugamma Islam ka-kampung2 dan daerah2 mereka masing2 sa-bagai hasil perjuangan mereka dan itu-lah maklumat atau dasar yang dikehendaki oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Majlis di-akhiri dengan baca'an Do'a Selamat oleh Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Haji Metali Pemangku Timbalan Kadhi Besar Brunei dan di-turuti dengan satu jamuan rengan.



# Kerajaan Mengurniakan \$4,000 untuk Menyudahkan Pembinaan Masjid Baru Sungai Liang

**BANDAR BRUNEI.** — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengurniakan wang sa-banyak \$4,000.00 kerana bantuan untuk menyudahkan pembinaan Masjid Baru Sungai Liang, di-Daerah Belait.

Kurnia'an tersebut ada-lah dengan perantaraan Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei selaku wakil Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan Pengurusi Majlis Ugama Islam Negeri Brunei pada pagi Thalatha 30 Sha'ban 1386 bersama'an 13 Disember 1966 di-Balai Raya Kampong Sungai Liang.

Yang Mulia Awang Metusin bin Haji Tahir selaku Pengurusi Jawatan Kuasa Pembinaan Masjid S. Liang bagi pehak Jawatan Kuasa tersebut dan bagi pehak orang2 kampong telah menerima wang kurnia'an tersebut.

Yang Mulia Awang Ishak bin Adam, Kadhi Daerah Belait, sa-bagai Ketua Ugama daerah tersebut, dalam uchapan alu2an di-majlis itu telah memberikan sa-tinggi2 tahniah kapada Jawatan Kuasa Pembinaan Masjid Sungai Liang, kerana ini-lah pertama kali-nya kurnia'an saperti itu dan kampong yang pertama menerima kurnia'an bantuan Kerajaan membina masjid.

Beliau kemudian mencheritakan mula di-ranchangkan masjid itu ia-itu pada awal tahun 1962 dan baru-lah dapat mula di-bangunkan dengan chara bergotong royong pada permula'an bulan puasa tahun 1385 ia-itu kira2 hampir sa-tahun hingga ka-hari itu dan pembinaan tersebut terkandas oleh kehabisan wang yang di-dapati daripada derma orang ramai.

Tetapi dengan ada-nya bantuan dan kurnia'an Kerajaan

## KENYATAAN KASTAM

BAGI menjalankan kuasa2 yang di-beri ka-atas Pengawal Kastam Di-Raja Brunei oleh bab 9 dari Undang2 Kastam, 1954, maka beliau dengan ini menetapkan, bagi tujuan mengenakan chukai2 harga barang yang di-sebutkan di-bawah ini mulai dari dan termasuk 21 Disember, 1966.

Lada Puteh sa-pikul \$147.40 dan Lada Hitam sa-pikul \$105.60.

sa-banyak empat ribu ringgit itu, mudah2an akan dapat-lah di-laksanakan pembinaan masjid itu dengan sempurna.

Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam uchapan-nya telah menyampaikan salam dan amanat daripada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin yang tidak dapat menghadziri Majlis menyampaikan wang kurnia'an Kerajaan itu, dan menyatakan bahawa pada tahun ini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memberi peruntukan sa-jumlah lima puluh ribu ringgit untuk membantu pem-

binaan Masjid2 di-luar bandar yang memerlukan bantuan melalui Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada tahun ini ada 6 permohonan dari Masjid2 luar bandar termasok Masjid Kampong Sungai Liang, Kechuali sa-buah masjid yang maseh dalam pertimbangan. Ka-lima2 Masjid yang menghantarkan permohonan itu akan mendapat kurniaan bantuan sa-telah di-pertimbangkan dengan saksama oleh Majlis Ugama Islam Brunei.

Masjid2 yang mendapat kurniaan bantuan Kerajaan itu, sa-lain daripada Masjid Sungai Liang, ia-lah Masjid Lumapas, Masjid Kampong Limau Manis, Masjid Kg. Pulau Baru2 dan Masjid Kg. Sengkurong.

## RISALAH2

JABATAN Pertanian Negara, Brunei telah menerbitkan dan menyibarkan beberapa naskhah Risalah2 Pertanian yang beraneka jursus dalam bidang Pertanian, Perusahaan dan Ternakan kapada seluruh Masharakat Tani dan Peladang2 di-negeri ini, sebagai suatu panduan mereka dalam segi Pertanian, demi memperkembangkan perekonomian Negara.

Risalah2 tersebut ada-lah julong2 kali di-terbitkan dan di-bahagi2kan perchuma untuk panduan peladang2 khasnya kapada ahli2 Persatuan Peladang di-seluruh negara.

Dari semenjak gerakan Kursus Pertanian di-lancharan kapada ahli2 Persatuan Peladang Kampong2 di-seluruh negeri ini dari sejak awal 1966, maka beberapa ribu naskhah Risalah2 tersebut but telah2 pun di-berikan perchuma dengan menerusi Pegawai2 Perkembangan Pertanian yang bertugas selaku Pensharah2 dalam kursus tersebut, di-samping mereka mengadakan beberapa sharahan2 yang men-kenai dalam bidang Pertanian, Perusahaan, Ternakan dan sebagai-nya.

Gerak langkah dari pehak Jabatan Pertanian Negara yang terbaru ini ada-lah menitek-beratkan betapa penting-nya pehak Jabatan ini mendorongkan keinsafan dan kesedaran kapada seluruh masharakat Tani dan Peladang2 kita yang sentiasa dalam kelemahan dan kemunduran di-bidang2 Pertanian agar dapat-lah memberi kesan dan mengukohkan azam mereka dalam meninggikan ta-

## PERTANIAN

raf hidup Petani2 di-masa2 yang akan datang.

Maju dan mundur-nya Pertanian di-negara kita Brunei ini jangan-lah hanyasa-nya di-titek-beratkan kapada pehak Jabatan Pertanian saha-ja, malah bagi pehak seluruh masharakat Tani dan Peladang di-negara ini ada-lah sangat2 mustahak di-kehendaki bekerjasama, menyahuti seruan2 dan anjoran2 dari pehak Jabatan Pertanian Negara demi kepentingan Per-ekonomian kita bersama.

Hasrat Jabatan Pertanian Negara, Brunei ada-lah sen-tiasa memberi dorongan dan galakan di-samping menyalorkan beberapa Projek2 Perkembangan Pertanian kapada seluruh masharakat Tani dan Peladang2 demi mem-pertinggikan taraf hidup kita bersama khasnya dan mengukohkan Perekonomian Negara 'am-nya. — Di-susun oleh Awang Suhaimi bin Haji Ismail, Pembantu Pertanian Kanan, Negeri Brunei.

## Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait

**KUALA BELAIT.** — Majlis Mashuarat Daerah Belait, dalam persidangan-nya baru2 ini telah meluluskan dua usol, masing2 di-kemukakan oleh Yang Mulia Malai Mashhor bin Malai Abdul Hamid Wakil dari Pekan Seria.

Usol pertama berbunyi: Majlis yang bersidang pada hari ini menasehatkan Kerajaan yang bersangkutan supaya pehak Jabatan Tanaman mengambil berat dan mengusahakan lebuh baik lagi Kawasan Perchubaan di-Batu 3, Seria/Belait, jangan-lah saperti yang ada masa hari ini sangat menyedehkan keadaan-nya."

Usol kedua berbunyi: "Majlis yg bersidang hari ini menasehatkan Kerajaan supaya menambahkan lagi kaki-tangan yang bertugas di-Klinik Seria, ia-itu Bahagian Laki2."

Pengerusi Majlis itu, Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait telah memberikan penerangan mengenai usaha2 yang telah di-ambil oleh Pejabat Pertanian di-Daerah Belait.


Dalam uchapan Pengiran Momin beliau menyeru kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait bahawa mereka, selaku Wakil Ra'ayat mengambil peranan yang penting dalam perkembangan pertanian di-Daerah Belait.

Mereka, tegas beliau, hendak-lah sentiasa menanamkan Semangat kapada seluruh penduduk Daerah itu khusus-nya orang2 Melayu supaya perchaya kapada usa-ha2 pertanian sa-bagai usaha yang boleh menjamin dan mempertinggikan taraf hidup sa-saorang apabila di-lakukan dengan rajin dan usaha.





Abu Mansor dari Brunei (kanan) kelihatan sedang menumbok Ismail Salleh dari Labuan (kiri) dengan kuatnya dalam Perlawanan Tinju Perisai Gibson, Bahagian Feather Weight di-Dewan Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei baru2 ini.



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed kelihatan sedang menyampaikan hadiah kepada Raub Haji Serudin dari Brunei yang telah memenangi Perlawanan Tinju Perisai Gibson Bahagian Bantam Weight. Dalam perlawanan itu, Raub telah mengalahkan Orey Pausy dari Labuan.

## Brunei Mengalah Perlawanan Tinju

**BANDAR BRUNEI.** — Brunei telah mengalahkan Labuan dengan 4 perlawanan berbaloi 1 perlawanan dalam Perlawanan Tinju untuk merebutka Perisai Gibson.

Perlawanan Tinju itu telah di-langsangkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei pada malam hari Sabtu 17 Disember, 1966 di-bawah anjoran Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, Yang Dipertua Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei telah menyampaikana hadiah2 sa-lepas tamat perlawanan tersebut.

Sa-lain daripada perlawan2 di-antara ahli2 tinju dari Negeri Brunei dengan ahli tinju dari Labuan, beberapa perlawanan juga telah di-adakan di-antara ahli2 tinju dari Bandar Brunei dengan ahli

Gambar ramai ini di-ambil sa-baik sahaja Perisai Gibson di-Dewan Maktab Sultan O dari kanan ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran dan berdiri di-hujong kanan sekali ia-lah S



# Labuan dalam Perisai Gibson

Tinju dari Seria serta juga satu perlawanan di-antara sa-orang berjurut dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dengan sa-orang anggota Pasukan Polis Di-Raja Brunei, Bahagian R.U.

Keputusan penoh Perlawanan Tinju tersebut ada-lah sa-erti berikut:

Bahagian Light Fly Weight: Billy Chong dari Brunei mengalahkan Koh Tai Hong dari Labuan.

Bahagian Flv Weight: Edin Louis dari Brunei mengalahkan Rahman Ibrahim dari Labuan.

Bahagian Bantam Weight: Abdul Haji Serudin dari Brunei mengalahkan Orey Pausy dari Labuan.

Bahagian Feather Weight: Ismail Salleh dari Labuan mengalahkan Abu Mansor dari Brunei.

Bahagian Welter Weight:

Langsungkan Perlawanan Tinju antara Brunei dan Labuan untuk merebutkan trofiuddin Bandar Brunei pada malam 17 Disember, 1966. Berdiri nombor tiga Indra Haji Mohamed, Yang Dipertua Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei dan persatuan tersebut, Awang S. Palaniandy.



Ahli2 Tinju dan Pegawai2 temasha perlawanan tinju itu kenhatan bersorak sa-bagi tanda mengakhiri Perlawanan Tinju tersebut.

Nor Shah dari Brunei yang dijadualkan melawan Jimmy Tan dari Labuan telah menang perlawanan itu di-sebabkan Jimmy Tan telah tidak datang ka-Brunei.

## PERLAWANAN2 KHAS

Bahagian Fly Weight: Salleh Puasa dari Brunei menga-

lahkan Rozjani Md. Zain dari Labuan.


Bahagian Bantam Weight: Nikman Mohd. Noor dari Seria mengalahkan Kudil Mayang dari Labuan.

Bahagian Light Weight: Billy Ahmad dari Askar Melayu Di-Raja Brunei mengalahkan Moksin dari Pasukan M.R.U.

Bahagian Middle Weight: Ahmad Rashid dari Brunei mengalahkan Faddul Rahman dari Labuan.

Bahagian Light Fly Weight: Peter Lim dari Seria mengalahkan Sahari Khan dari Brunei.

Bahagian Light Weight: Richard Chong dari Seria telah di-berikan kemenangan ka-tas Awangku Hamdan dari Brunei kerana Awangku Hamdan telah tidak hadir.



Dalam gambar ini kelihatan Billy Ahmad dari Askar Melayu Di-Raja Brunei (kiri) dan Moksin dari Pasukan M.R.U. (kanan) sa-masa mereka berlawan dalam Perlawanan Khas Tinju Bahagian Light Weight.



## Pembukaan Rasmi Kursus Haji

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Kursus Haji di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada pagi hari Selasa 12 Disember, 1966.

Dalam uchapan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin di-majlis tersebut, antara lain beliau berkata bahawa Penasehat Jema'ah Haji Brunei sentiasa berusaha untuk kesempurnaan dan kebijakan seluruh jema'ah2 Haji di-negeri ini.

Beliau telah berpesan kepada semua bakal2 Haji dari Negeri Brunei agar mereka sentiasa bersatu padu dan tolong menolong di-antara satu dengan lain sesuai dengan ajaran Islam dan tujuan2 ibadat Haji yang sa-benar-nya.

Mulai pada tahun ini, kata beliau, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei akan menghantar sa-orang Pegawai yang di-namakan Pegawai Kebajikan Kehormat untuk turut sama dalam kapal "Anshun" bagi melihat dan mengawasi kepentingan2 bakal2 Haji Brunei seluroh-nya.

Berbagai2 perkara mengenai Haji telah di-terangkan satu persatu dalam kursus itu oleh pensharah2 khas dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Lakonan2 bagaimana menjalankan Haji sa-chara praktikal telah juga di-persembahkan dalam kursus itu untuk memudahkan bakal2 Haji itu memahami-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei kelihatan sedang memberikan uchapan di-Majlis Perpisahan

Murid2 Sekolah Menengah Ugamma (Arab) Hassanal Bolkiah di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei baru2 ini. — GAMBAR BPUI.

## Pameran Lukisan Kanak2

SERIA. — Lebih daripada 1,500 orang telah menyaksikan Pameran Lukisan Kanak2 di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria baru2 ini. Pameran itu di-adakan di-bawah anjoran akhbar "Salam."

Pegawai Penyiaran dan Penerangan, Daerah Belait, Pengiran Mohamed bin Pengiran Matserudin dan Pegawai Penerangan Sharikat Minyak Shell, Brunei, Awang Abdul Aziz Malim telah menyampaikan hadiah2 kapada kanak2 yang berjaya dalam peraduan Pameran Lukisan tersebut.

Lukisan itu di-bahagikan kapada tiga kumpulan ia-itu (a) Kumpulan umor di-antara 6 tahun dan 9 tahun. (b) Kumpulan umor di-antara 10 tahun dan 12 tahun. (c) Kumpulan umor di-antara 13 tahun dan 16 tahun.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah saperti berikut:

Kumpulan umor di-antara 6 tahun dan 9 tahun: Pertama — Simunllaili bin Mohd. Shahziar, Seria. Kedua — Masnah binte Mohd. Niah, Seria. Ketiga — Jamilah binte Mohiddin, Seria dan Renjini Vydiar, Kuala Belait. Hadiah2 Sagu Hati — Mark Lloyd, Panaga dan Khalid bin Mohd. Shahziar, Seria.

Kumpulan umor di-antara 10 dan 12 tahun: Pertama — Arbi bin Seruji, Lutong; Kedua — Mark Conrad Fisher, Seria. Ketiga — Cheryl Ann Patricia Lazaro, Seria. Hadiah2 Sagu Hati — Sabariah binte Majin, Kuala Belait dan Nino van der Wilk, Panaga.

Kumpulan umor di-antara 13 tahun dan 16 tahun: Pertama — Awangku Merzuki bin Pengiran Jeludin, Kuala Belait. Kedua — Abdul Rah-

man bin Sapong, Miri. Ketiga — Junaidi bin Mahali, Kuala Belait. Hadiah2 Sagu Hati — Leong Chick Hin, Lutong dan Hasan bin Tahir, Miri.

Lukisan2 yang di-pamerkan itu menunjukkan berbagai2 chorak ia-itu lukisan2 chat ayer, pensil berwarna, pensil hitam biasa dan lain2-nya.

## Pengakap2 Brunei Mendaki Gunong Kinabalu

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan 20 orang Pengakap2 dari Daerah Brunei yang terdiri daripada Pasukan Rover Crew, Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Guru2 Pengakap Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah belayar dari Bandar Brunei ka-Labuan pada pagi hari Ithnin 19 Disember dalam perjalanan mereka ka-Jesselton.

Tujuan utama rombongan itu berangkat ka-Jesselton ia-lah kerana hendak mendaki Gunong Kinabalu dari sana serta menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Pengakap.

Rombongan Pengakap itu di-jangka balek ka-Brunei pada penghujung bulan Disember ini.

## MELAWAT MAKAM

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan Guru2 dan penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah melawat ka-beberapa tempat di-Bandar Brunei baru2 ini dalam ranchangan pendi-

## Perlawan Bola Tampar Maktab2 dan Sekolah2 Menengah

PERLAWANAN Bola Tampar Peringkat Negeri antara Pasukan Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei dengan pasukan Sekolah Menengah China Chung Ching Seria, telah di-adakan di-gelanggang Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria baru2 ini. Keputusan-nya Pasukan Chung Ching menang dengan hetongan mata kemenangan: 15/8 dan 15/7.

Maka dengan keputusan perlawanannya itu Pasukan Sekolah Menengah China Chung Ching, Seria menjadi Johan Bola Tampar Peringkat Menengah antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasukan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei.

Hadiah2 kemenangan ia-itu hadiah daripada Jabatan Pelajaran, Brunei telah di-sampaikan oleh Awg. Mohsin bin Pengiran Damit, Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait kapada Pasukan2 yang berjaya.

Perlawan Bola Jaring antara Pasukan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, K. Belait dengan Pasukan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Bandar Brunei telah di-adakan baru2 ini bertempat di-gelanggang Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei, Keputusan-nya Pasukan STPRI menang dengan 14 gol berbalas 6 gol.

Maka dengan keputusan perlawanannya itu Pasukan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei menjadi Johan Bola Jaring Peringkat Menengah antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah sa-Negeri Brunei, bagi tahun 1966. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasukan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Hadiah2 kemenangan ia-itu hadiah daripada Jabatan Pelajaran Brunei telah di-sampaikan oleh Awang Abdi Mana bin Penyurat Haji Abu Bakar, Penyusun Pendidekan Jasmani, Sekolah2 Negeri Brunei kapada Pasukan2 yang berjaya. Di-susun oleh: Md. Husain Zainal.

dekan sekolah itu.

Di-antara tempat2 yang dilawati itu ia-lah Makam Sultan Bolkiah di-Kota Batu, Makam Di-Raja, Ampangan Tasek dan lain2 tempat di-Bandar Brunei.

# Persatuan Kebajikan Di-Tubohkan Di-Kilanas

KILANAS. — Sa-buah Persatuan Kebajikan, ia-itu Persatuan Kebajikan Kampong Kilanas (rengkasnya P3K) Brunei telah di-tubohkan oleh pemuda-pemudi Kampong Kilanas pada 11 Disember, 1966.

Di-antara Tujuan2 persatuan tersebut ia-lah: "Men-dirikan Semangat Gotong Royong demi kemajuan penduduk dan Kampong Kilanas serta mempertinggi dan memperkenalkan Kesenian dan Ke-budayaan Bangsa Melayu dan mendokong chita2 Perlembagaan atas penggunaan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi Negeri Brunei."


Persatuan tersebut ada-lah mendokong dengan sa-penohnya chita2 Persatuan Belia Sa-Negeri Brunei dan akan berjuang berganding bahu dengan Badan2 Persatuan yang mempunyai Dasar dan Tujuan yang sama, demi mempererat hubungan silatul rahim di-antara penduduk2 Kampong Kilanas dengan ra'ayat Negeri Brunei selurohnya demi mananam Semangat Hidup bermasharakat.

Mashuarat tersebut telah meluluskan Rang Undang2 Tuboh Badan Persatuan itu dan melantek Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Sementara seperti berikut:

Yang Dipertua — Che'gu Awang Besar bin Serudin. Naib Yang Dipertua — Aw. Mashri bin Haji Matarsad. Setia Usaha Agong — Awang Hasan bin Abdul Ghani Naib Setia Usaha Agong Awang Mohd. Saidi bin Bugal. Bendahari Agong — Awang Azahari bin Haji Mohd. Daud.

Pengetua Seksyen Penerangan — Che'gu Awang Ya'kub bin Mantok. Pengetua Seksyen Sosial — Dayang Nauyah binte Othman. Pengetua Seksyen Seni dan Budaya — Awang Abdul Hamid bin Simpol. Naib Pengetua Seksyen Seni dan Budaya — Dayang Noor Farid dan binte Hussain. Pengetua Seksyen Sokan dan Olah Raga — Awang Lamat bin Haji Abdul Rahman. Pengetua Seksyen Iktisad dan Ekonomi — Haji Abdul Rahman bin Haji Mangol. Pengetua Seksyen Kemajuan dan Perkembangan — Awang Hidop bin Ibrahim.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Aw. Othman bin Haji Damit, Aw. Abdullah bin Simpol, Aw. Kamis bin Ali dan Aw. Matali bin Mantok. Berita Kiriman — Aw. B. Saidi.



Gambar di-atas menunjukkan sa-bilangan ahli2 PC. iaitu Kedajidal Kampong Kilanas, di-ambil buat kenang2an selepas mengadakan Mashuarat-nya. Gambar kiriman B. Saidi

## JAWATAN JAWATAN KOSONG:

### Guru Mengajar Bahasa Inggeris Sains dan Ilmu Hisab Di-Sekolah Arab

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Guru Sekolah Arab di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei, bagi mengajar Bahasa Inggeris, Sains dan Ilmu Hisab.

#### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Umur di-antara 25 tahun dan 45 tahun.

(b) Berugama Islam dari Ahli Sunnah Wal-Jema'ah.

(c) Memegang Ijazah dari mana2 University Islam atau University2 yang di-akui atau pun kelulusan dari Maktab Kirby, England, atau yang sebanding dengan-nya.

(d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidekan dan mempunyai diploma pendidekan.

**GAJI:** Dalam sukatan gaji \$660X30 — 900 atau \$1020 X 40 — 1620/EB/1670 X 50 — 1820. Gaji permulaan ber-gantong pada kelayakan2 dan pengalaman.

#### SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek se-chara berkontrek selama 3 tahun termasok masa per-chubaan selama 6 bulan yang pertama.

Pemohon yang terpilih yang m e n j a d i raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau ber-hak untuk di-daftarkan se-demikian akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

#### BAKSIS

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechara berkontrek

baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat.

Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan si-jil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Disember, 1966.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan si-jil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Disember, 1966.

### Pemandu Kereta Di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Pemandu Tingkat II di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan. Pemohon2 mesti-lah dari raayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.

#### KELAYAKAN2:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 memandu.

(b) Chalon2 mesti-lah ber-umur di-antara 20 hingga 50 tahun.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu selama sekurang2nya 5 tahun dan tidak pernah di-daawa di-mahkamah kerana kechuaian memandu.

#### TUGAS:

(a) Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas sama ada di-waktu siang atau malam di-sebarang daerah di-negeri ini.

(b) Boleh membaiki ker-rosakan kecil jentera out-board.

**GAJI:** Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180 X 5 — 195-EB-200 X 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti

di-penohi dari borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pe-gawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 4 Januari, 1967.

### Pemandu Outboard

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari raayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan menjadi raayat Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Pemandu Out-board di-Jabatan Perubatan dan boleh memperbaiki ker-rosakan kecil jentera out-board.

Mereka mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang daerah dalam negeri ini.

**GAJI:** Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180 X 5 — 195-EB-200 X 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Disember, 1966.

# BANYAK PERUSAHAAN DI-LAKUKAN OLEH ANAK NEGERI INI— kata Y.B. Pengiran Damit

**BANDAR BRUNEI**, Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyatakan bahawa banyak perusahaan telah pun dilakukan oleh anak negeri.

Beliau menyatakan demikian, ketika menolak satu usol yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei kelepasan yang meminta supaya Kerajaan berusaha membuat satu Dasar bagi membantu perusahaan dan perniagaan Bumiputera.

Yang Berhormat Pengiran Damit menegaskan lagi bahawa baru2 ini Kerajaan telah mendatangkan sa-orang pakar mengenai Sharikat Kerjasama dan telah memberikan cheramah2-nya di-tiap2 daerah.

Sharikat Kerjasama tegas

beliau, ada-lah satu perkara yang baik bagi mengadakan perusahaan dan perniagaan.

Satu perkara lagi yang mustahak bagi mengadakan perusahaan ini, kata beliau, ia-lah modal yang mencukupi.

Beliau lagi menerangkan, pada tahun2 yang lampau Kerajaan telah memberikan bantuan2 berupa outboard2, ternakan dan lain2.

Turut juga memberi alasan dan pandangan dalam penolakan usol tersebut ia-lah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Beliau telah menerangkan antara lain, bahawa Kerajaan telah mengadakan satu Dasar mengenai Sharikat Kerjasama yang terkandong dalam Ranjang Kemajuan Negara 1962-66.

Usol tersebut telah ditolak oleh Majlis sa-telah di-undi.

BOLA SEPAK:

## DAERAH BELAIT GURKHA

**KUALA BELAIT.** — Pasukan Bola Sepak Daerah Belait telah mengalahkan Pasukan Bola Sepak 2/6 Gurkha Rifles dengan 2 gol berbalas 1 ber-tempat di-Gelanggang Sokan Seria baru2 ini.

Perlawanan Bola Sepak yang hebat itu di-adakan sebagai "Perlawanan Perpisahan" dengan Pasukan 2/6 Gurkha Rifles.

Pada sa-paroh masa yang pertama, Pasukan Bola Sepak Daerah Belait telah mengalahkan Pasukan Bola Sepak

## PERSIDANGAN M.M.N. BRUNEI DARI MUKA 1

Beliau menerangkan rayaat ada-lah di-beri kebebasan berchakap, berfikir dan mendengar dan perkara ini nyata apa yang berlaku di-Majlis Mashuarat Negeri dan surat2 khabar serta khabar2 di-ikuti melalui Radio.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf membuat kenyataan tersebut untuk penjelasan terhadap tuduhan2 yang menyatakan rayaat negeri ini tidak di-beri peluang untuk menjalankan kerja2 berhubung dengan hal ehwal luar negeri.

Sa-telah di-undi, keputusannya 10 undi menentang, 7 undi menyokong dan dua orang Ahli2 Yang Berhormat telah tidak mengundi.

## GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

## MENGALAHKAN RIFLES

2/6 Gurkha Rifles dengan satu gol tidak berbalas.

Pasukan Bola Sepak Daerah Belait telah memperolehi satu gol lagi dalam masa pertengahan yang kedua.

Kedua2 gol itu bagi pehak Pasukan Bola Sepak Daerah Belait di-jaringkan oleh Suud.

Gol yang tunggal bagi pehak Pasukan Gurkha Rifles itu telah di-jaringkan oleh Gopal Gurung.

Sa-lepas perlawanan tersebut para penonton telah berpeluang menyaksikan persembahan musik mengandong lagu2 perbarisan dan gendrang perang oleh Pancharagam Gurkha Rifles.



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed kelihatan sedang menyampaikan Piala Kemenangan kapada Ismail Salleh dari Labuan di-te-masha Perlawanan Tinju antara Brunei dengan Labuan di-Dewan Maktab

Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu. Ismail Salleh telah mengalahkan Abu Mansor dari Brunei dalam Perlawanan Tinju Perisai Gibson Bahagian Feather Weight.

## Kejayaan Brunei dalam Permainan Tinju

AHLI2 TINJU yang handal dari Negeri Brunei dan Labuan telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju untuk merebutkan Perisai Gibson di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu.

Dalam Pertandingan Tinju itu, Brunei telah mengalahkan Labuan dengan empat perlawanan berbalas satu, termasuk satu perlawanan yang di-menangi oleh Brunei tanpa berlawan di-sebabkan sa-orang ahli tinju dari Labuan yang di-jadualkan mengambil bahagian dalam pertandingan itu telah tidak dapat datang ka-Brunei.

Brunei juga telah berjaya mengalahkan Labuan dalam tiga lagi perlawanan khas pada malam tersebut.

Kejayaan Brunei dalam Pertandingan Tinju Perisai Gibson dan juga dalam Perlawanan Khas dengan ahli2 tinju dari Labuan pada malam Ahad yang lalu, telah menyinarkan nama negeri ini dalam Medan Permainan Tinju.

Mudah2an dengan usaha2 yang di-jalankan bersungguh2 oleh Pegawai2 dari Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei untuk memajukan permainan tinju di-negeri ini, maka ahli2 tinju dari Negeri Brunei ini akan memperolehi kejayaan2 yang gilang gemilang dalam permainan tinju itu pada sa-tiap masa.



Gambar ini di-ambil di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei sa-masa di-adakan Kur-

sus Haji pada hari Selasa 13 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan di-antara

bakal2 Haji dari Negeri Brunei yang menghadiri kursus itu. Gambar BPUI.